

PENGIKRARAN KOD TARIF DI DALAM ANALISA KOS DAN SIJIL TEMPASAL BERKEUTAMAAN

Mulai 1 April 2017, Perintah Duti Kastam (PDK) 2017 telah dikuatkuasakan bagi menggantikan PDK 2012. Susulan pelaksanaan tersebut, pengeksport adalah dikehendaki untuk membuat semakan dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) bagi mendapatkan kod tarif yang tepat bagi produk dan bahan-bahan mentah yang terlibat.

Bagi Analisa Kos yang telah diluluskan sebelum 1 April 2017, pihak DagangNet (DNT) selaku Operator sistem ePCO telah membuat tindakan *auto-mapping* kod tarif PDK 2012 ke PDK 2017. Pengeksport dinasihatkan untuk menyemak *auto-mapping* yang telah dibuat tersebut bagi memastikan kod tarif produk adalah tepat sepertimana yang diperolehi daripada JKDM. Sekiranya kod tarif yang diperolehi melalui *auto-mapping* DNT tidak tepat, pengeksport hendaklah memaklumkan kepada DNT melalui emel: careline@dagangnet.com.

Bagi tujuan permohonan Sijil Tempasal Berkeutamaan, kod tarif eksport dan import hendaklah sama pada 6-digit pertama sepertimana yang telah ditetapkan di bawah *Article 3(b), International Convention on the Harmonised System* (http://www.wcoomd.org/en/topics/nomenclature/instrument-and-tools/hs_convention.aspx).

Walau bagaimanapun, bagi permohonan di bawah ATIGA, kod tarif eksport dan import hendaklah sama pada 8-digit pertama seperti mana yang telah ditetapkan di bawah *Article 4, Protocol Governing the Implementation of the ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature* (http://asean.org/?static_post=protocol-governing-the-implementation-of-the-asean-harmonised-tariff-nomenclature).

Bagi tujuan pelaksanaan di Malaysia, kod tarif eksport yang diikrarkan di dalam permohonan Sijil Tempasal Berkeutamaan hendaklah sama (10-digit) dengan kod tariff yang diikrarkan di dalam dokumen eksport Kastam (K2).

Terima Kasih.

PENGARAH KANAN
BAHAGIAN SOKONGAN PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
16 MEI 2017